

BAB1: PERATURAN SESI PERSEKOLAHAN

1.1 Sesi Persekolahan

1.1.1 Sesi Pagi

Hari	Masa
Isnin- Jumaat	7.25 pagi-1.10 tengah hari

1.1.2 Sesi Petang

Hari	Masa
Isnin-Khamis	1.05 tengah hari-6.45 petang
Jumaat	2.20 petang-6.45 petang

1.1.3 Pelajar-pelajar mesti berada di kawasan sekolah **10 minit sebelum waktu persekolahan bermula, perhimpunan akan diadakan pada pukul 7.20 pagi**

1.1.4 Pelajar-pelajar yang datang lewat dikehendaki beratur di gelanggang tenis dan nama-nama mereka akan dicatat oleh pengawas bertugas

1.1.5 Hukuman kesalahan datang lewat

Kesalahan	Hukuman
Lewat 5 kali	Amaran 1
Lewat 6 - 10 kali	Amaran 2
Lewat lebih 10 kali	Amaran 3

1.1.6 Pelajar-pelajar yang datang lewat selepas 7.45 pagi dikehendaki mengambil slip kebenaran masuk kelas di pejabat. Satu salinan dikepilkan dalam buku kedatangan kelas dan satu salinan lagi disimpan oleh pelajar berkenaan.

1.2 Permulaan Sesi

1.2.1 Sesi Pagi

Hari	Masa	Keterangan
Isnin	7.15 7.20 – 8.05	Program Nilam Perhimpunan dan pengumuman
Selasa - Jumaat	Loceng pertama (7.15 pagi)	Program Membaca/Nilam dijalankan
	Loceng kedua (7.20 pagi)	Pelajar-perlajar mula masuk ke dalam dewan dengan senyap dan perhimpunan bermula
	Loceng ketiga (7.25pagi)	Pelajar masuk ke kelas

1.2.2 Sesi Petang

Hari	Masa	Keterangan
Isnin-Khamis	Loceng pertama (12.50 tengah hari)	Program Membaca/Nilam dijalankan
	Loceng kedua (1.03 tengah hari)	Pelajar-pelajar mula masuk ke dalam dewan dan beratur dengan senyap
	Loceng ketiga (1.05 tengah hari)	Perhimpunan dimulakan
Jumaat	Loceng pertama (2.08 petang)	Program Membaca/Nilam dijalankan
	Loceng kedua (2.18 petang)	Pelajar-pelajar mula masuk ke dalam dewan dan beratur dengan senyap
	Loceng ketiga (2.20 petang)	Perhimpunan dimulakan

- 1.2.3 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan turun di Gate 3 atau Gate 4 selepas pukul 6.50 pagi.
- 1.2.4 Pelajar-pelajar yang datang selepas 6.50 pagi dikehendaki turun di simpang St John. Pelajar-pelajar yang didapati turun di Gate 3 atau Gate 4 selepas pukul 6.50 pagi akan diambil tindakan.
- 1.2.5 Semasa Program Membaca/Nilam dijalankan semua pelajar dikehendaki membaca dengan senyap.
- 1.2.6 Pelajar-pelajar yang gagal berbuat demikian akan didenda.

1.3 Waktu rehat

1.3.1 Sesi Pagi

Hari	Masa	Keterangan
Isnin	<u>Rehat</u> 10.15 pagi	Pelajar-pelajar meninggalkan kelas untuk berehat
	<u>Rehat Tamat</u> Loceng pertama (10.32 pagi)	Pelajar-pelajar mula masuk ke dalam dewan dengan senyap
	Loceng kedua (10.34 pagi)	Pelajar-pelajar beratur dengan tertib dalam barisan kelas masing-masing
	Loceng ketiga (10.35 pagi)	Perhimpunan dimulakan
Selasa-Jumaat	<u>Rehat</u> 10.25 pagi	Pelajar-pelajar meninggalkan kelas untuk berehat
	<u>Rehat Tamat</u> Loceng pertama (10.42 pagi)	Pelajar-pelajar mula masuk ke dalam dewan dengan senyap
	Loceng kedua (10.44 pagi)	Pelajar-pelajar beratur dengan tertib dalam barisan kelas masing-masing
	Loceng ketiga (10.45 pagi)	Perhimpunan dimulakan

1.3.2 Sesi petang

Hari	Masa	Keterangan
Isnin	<u>Rehat</u> 4.00 petang	Pelajar-pelajar meninggalkan kelas untuk berehat
	<u>Rehat Tamat</u> 4.20 petang	Pelajar-pelajar masuk ke dalam dewan dan beratur dengan senyap.Pehimpunan dimulakan.
Selasa-Khamis	<u>Rehat</u> 4.05 petang	Pelajar-pelajar meninggalkan kelas untuk berehat
	<u>Rehat Tamat</u> 4.25 petang	Pelajar-pelajar masuk ke dalam dewan dan beratur dengan senyap.Pehimpunan dimulakan
Jumaat	<u>Rehat</u> 4.30 petang	Pelajar-pelajar meninggalkan kelas untuk berehat
	<u>Rehat Tamat</u> 4.50 petang	Pelajar-pelajar masuk ke dalam dewan dan beratur dengan senyap.Pehimpunan dimulakan

1.3.3 Semua kerusi hendaklah diletakkan di atas meja sebelum pelajar pelajar meninggalkan kelas untuk rehat.

1.4 Waktu Pulang

1.4.1 Sesi Pagi

Hari	Masa	Keterangan
Isnin-Jumaat	1.10 tengah hari	Pelajar-pelajar meninggalkan kelas untuk pulang ke rumah

1.4.2 Sesi Petang

Hari	Masa	Keterangan
Isnin-Jumaat	Loceng I-6.40 petang	Pelajar-pelajar bersiap sedia untuk pulang ke rumah
	Loceng II-6.45 petang	Pelajar-pelajar meninggalkan kelas untuk pulang ke rumah

1.4.3 Sebelum pulang, semua kerusi hendaklah diletakkan di atas meja.

1.4.4 Pelajar-pelajar hendaklah beratur di luar kelas sebelum meninggalkan kelas masing-masing.

1.4.5 Pelajar-pelajar berjalan di bahagian tepi jalan untuk menjaga keselamatan diri

1.4.6 Pelajar-pelajar digalakkan berjalan secara berkumpulan.

1.5 Perhimpunan

- 1.5.1 Semua pelajar mesti hadir ke perhimpunan sekolah.
- 1.5.2 Semua beg hendaklah diletakkan di sebelah kanan pelajar. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan untuk meletakkan beg di atas kerusi di bahagian belakang dewan.
- 1.5.3 Semua pelajar dikehendaki berdiri tegak semasa menyanyikan lagu Negaraku, Lagu Patriotik dan lagu sekolah. Semua pelajar wajib menyanyi bersama-sama dengan kuat dan penuh bersemangat.
- 1.5.4 Semua pelajar wajib melafazkan ikrar.
- 1.5.5 Semasa perhimpunan dijalankan, semua pelajar dikehendaki senyap dan menumpukan perhatian terhadap setiap pengumuman.
- 1.5.6 Selepas perhimpunan, pelajar-pelajar mesti pulang ke kelas masing-masing dengan senyap dan teratur.

1.6 Keluar dari kawasan sekolah

- 1.6.1 Pelajar-pelajar yang sudah datang ke sekolah tidak dibenarkan keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran.
- 1.6.2 **Pulang awal dalam waktu sekolah**
 - a) Pelajar-pelajar hanya dibenarkan balik awal sekiranya membawa surat daripada ibu bapa/penjaga atau ibu bapa datang sendiri untuk mengambil mereka dengan kebenaran Pengetua.
 - b) Surat kebenaran balik awal boleh didapati dari pejabat dan mestilah ditandatangani oleh Pengetua dalam dua salinan.
 - c) Satu salinan dikepulkan dalam buku kedatangan kelas dan satu salinan lagi disimpan oleh pelajar berkenaan.
- 1.6.3 Pelajar juga mestilah membuat catatan di dalam buku 'Balik Awal-Pelajar' yang terdapat di pejabat.
- 1.6.4 Lawatan keluar sekolah
 - a) Pelajar-pelajar yang membuat lawatan keluar sekolah perlulah mendapatkan surat kebenaran ibu bapa daripada guru penasihat dan pelajar-pelajar mestilah menyerahkannya kepada ibu bapa untuk ditandatangani.
 - b) Pelajar-pelajar mestilah mengembalikan surat kebenaran ini sebelum lawatan diadakan.
 - c) Pelajar-pelajar yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan untuk menyertai rombongan lawatan.
- 1.6.5 Gerak kerja kokurikulum di luar kawasan sekolah.
 - a) Pelajar-pelajar mestilah berada dalam keadaan yang teratur dan berkelakuan baik sepanjang masa.
 - b) Guru penasihat mestilah sentiasa berada bersama-sama pelajar semasa aktiviti kokurikulum dijalankan di luar kawasan sekolah.
 - c) Pelajar-pelajar yang mewakili sekolah dalam pertandingan tertentu di luar sekolah mestilah mendapatkan surat kebenaran daripada guru penasihat untuk ditandatangani oleh ibu bapa.

- d) Pelajar-pelajar yang menjalani latihan untuk persediaan menghadapi sesuatu pertandingan juga perlu mendapatkan surat kebenaran.

1.7 Ketidakhadiran sekolah

- 1.7.1 Setiap pelajar mesti hadir ke sekolah pada tiap-tiap hari. Pelajar-pelajar yang tidak hadir ke sekolah mestilah membawa sijil sakit. Jika tidak, ibu bapa/penjaga mestilah datang ke sekolah untuk menyerahkan surat ketidakhadiran sebagai pengesahan.
- 1.7.2 Pelajar-pelajar yang datang ke sekolah tetapi meninggalkan kelas sebelum cukup 2 jam dia berada di dalam kelas dianggap sebagai tidak hadir.
- 1.7.3 Langkah-langkah yang diambil sekiranya pelajar tidak hadir ke sekolah ditunjukkan dalam jadual dibawah.

Jenis kesalahan	Hukuman
<u>Tidak hadir</u> 3 hari berturut-turut	Amaran pertama (Kaunseling)
7 hari selepas amaran pertama	Amaran kedua (Kauseling)
7 hari selepas amaran kedua	Amaran ketiga (Kauseling)
14 hari selepas amaran ketiga	Buang sekolah
Jumlah keseluruhan: 31 hari	
<u>Tidak Hadir Secara Berkala</u> 10 hari	Amaran pertama (Kauseling)
10 hari selepas amaran pertama	Amaran kedua (Kauseling)
20 hari selepas amaran kedua	Amaran ketiga (Kauseling)
20 hari selepas amaran ketiga	Buang sekolah
Jumlah keseluruhan: 60 hari	

- 1.7.4 Salah laku ponteng bereti pelajar tidak hadir ke sekolah pada hari persekolahan rasmi tanpa alasan atau sebab-sebab bertulis atau lisan daripada ibu bapa atau penjaga atau doktor
- 1.7.5 Ponteng kelas bermaksud pelajar yang hadir ke sekolah tidak berada dalam kelas pada satu-satu waktu pengajaran dan pembelajaran atau keseluruhan waktu pelajaran.
- 1.7.6 Ponteng acara rasmi bereti pelajar tidak hadir ke acara rasmi sekolah yang diwajibkan hadir sama ada di dalam sekolah atau di mana-mana di luar sekolah yang dianjurkan oleh pihak sekolah.
- 1.7.7 Pelajar-pelajar yang didapati ponteng sekolah atau ponteng kelas akan dikenakan tindakan disiplin.

1.8 Keluar kelas/peraturan kelas

- 1.8.1 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan keluar kelas sewaktu pembelajaran kecuali jika ada pas keluar kelas.
- 1.8.2 Pas keluar kelas mesti digantung atau dipamerkan.
- 1.8.3 Pelajar-pelajar yang keluar kelas tanpa pas keluar kelas dianggap keluar kelas tanpa kebenaran.
- 1.8.4 Keluar masuk kelas dilarang semasa ketiadaan guru.
- 1.8.5 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan pergi ke tandas pada waktu pertama,waktu sebelum/ selepas rehat dan waktu terakhir kecuali mereka yang benar-benar dalam kecemasan.
- 1.8.6 Pelajar-pelajar perlu beratur di luar kelas sebelum pergi ke makmal,bengkel,kelas Pendidikan Jasmani,bilik seni dan sebagainya.
- 1.8.7 Pelajar-pelajar hendaklah berjalan dalam barisan masing-masing dengan senyap dan teratur.
- 1.8.8 Sewaktu Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
 - a) Pelajar-pelajar dikehendaki menyalin pakaian di dalam tandas
 - b) Pelajar-pelajar tidak dibenarkan berada di dalam kelas
 - c) Barang berharga hendaklah diserahkan kepada guru Pendidikan Jasmani
 - d) Pelajar-pelajar yang menghidap penyakit kronik dan telah disahkan doktor dikecualikan daripada mengikuti aktiviti.
- 1.8.9 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan keluar kelas untuk menelefon semasa pengajaran dan pembelajaran.Panggilan telefon hanya boleh dibuat sebelum dan selepas sekolah bermula dan semasa rehat.
- 1.8.10 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan keluar dari kelas sewaktu pertukaran guru antara waktu.